

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1987/88

HHT 302 - Seni Lukis Moden Malaysia

Tarikh: 26 Oktober 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari
(3 Jam)

Jawab TIGA(3) soalan.

Tuliskan jawapan anda dengan jelas, tepat dan ringkas.

1. Bagaimanakah anda memahami "kemodenan" seni lukis moden Malaysia dari segi peranannya dalam masyarakat dan budaya Malaysia masakini? Tanyakan diri anda apakah sikap orang ramai, institusi-institusi seni, serta pelukis-pelukis sendiri, berhubungan dengan seni lukis moden di Malaysia.
2. Bolehkah anda mengaku wujud di Malaysia sejenis seni lukis yang boleh dinamakan "seni lukis moden Malaysia? Atau adakah anda yakin bahawa kita hanya boleh memperkatakan tentang "seni lukis moden" di Malaysia? Bicarakan pemahaman anda tentang seni lukis moden Malaysia sebagai "seni lukis Malaysia" dan sebagai "seni lukis moden".
3. Bagaimanakah, mengikut anda, seni lukis moden muncul dan berkembang di Malaysia? Apakah faktor-faktor sejarah, sosial dan politik, yang telah berperanan dalam kelahiran dan kewujudannya?
4. Dalam rencananya, "Art in the Third World" (The Three Faces of Art, ed. S. Gopinathan, Unesco, Singapore, 1977), Mikel Dufrenne membuat pemerhatian bahawa masyarakat negara-negara Dunia Ketiga mengalami konfrontasi budaya, yakni di antara budaya tempatan dan budaya Barat. Seterusnya, ia menghuraikan tiga jenis penyelesaian yang ditawarkan dan tiga jenis sikap yang dipegang oleh masyarakat Dunia Ketiga bersabitan konfrontasi ini. Pertama, menerima pembahagian atau penduaan (dichotomy) budaya yang dikatakan tidak boleh dielak; kedua, mempertahankan dan membela budaya "asli" tempatan dari dihanyuti oleh arus budaya Barat; ketiga, menekan dan memperakui sintesis yang dimungkinkan dari pertembungan budaya yang berlaku.

.../2

Pada pendapat anda, penyelesaian dan sikap yang manakah di antara ketiga-tiga itu yang paling menepati keadaan dan perkembangan di Malaysia? Bicarakan.

5. T.K. Sabapathy, dalam buku yang ditulisnya bersama Redza Piyadasa, *Modern Artists of Malaysia* (DBP, K.L., 1983) membuat pemerhatian bahawa seni lukis moden di Barat berkembang di bandar. Bincangkan sama ada begitu juga halnya dengan seni lukis moden di Malaysia. Fikirkan juga bahawa, suatu tema dan subjek yang paling diminati oleh kebanyakan pelukis-pelukis moden di Malaysia ialah kehidupan dan persekitaran luar bandar.
6. Bagaimanakah, pada pendapat anda, keinginan kepada kebudayaan kebangsaan mempengaruhi seni lukis moden di Malaysia? Adakah pelukis-pelukis Malaysia turut mengalami kedesakan identiti nasional dalam pengkaryaan mereka? Bincangkan.
7. Bincangkan sikap pelukis-pelukis moden di Malaysia terhadap kedudukan dan peranan karya seni lukis di Malaysia. Perhatikan hal ini dari segi fahaman umum mereka tentang tujuan berkarya dan juga nilai karya seni sebagai komoditi.
8. Sastera Melayu moden lazim diakui telah menempuh permulaannya dalam konteks perjuangan pembebasan dari penjajahan Inggeris. Sejauh manakah perkembangan seni lukis moden di Malaysia boleh dikaitkan dengan semangat nasionalisme? Bincangkan.

-ooo000ooo-